



Peranan Konteks Pendidikan Islam dalam Memacu Pendidikan Pembangunan Lestari di Malaysia¹

Abd. Aziz Rekan²
Tengku Sarina Aini Tengku Kasim³
Yusmini Md Yusoff⁴

ABSTRAK

Penyelesaian destruktif alam sekitar perlu kepada pendekatan ofensif dan defensif. Pendidikan antara salah satu pendekatan ofensif yang serasi dengan norma kehidupan bermasyarakat. Pendidikan juga merupakan medium utama dalam merealisasikan agenda Pembangunan Lestari (Sustainable Development, SD) sehinggakan lahir beberapa idea di bawah agenda ini seperti Pendidikan Pembangunan Lestari (Education for Sustainability Development, ESD), Dekad Pendidikan Pembangunan Lestari 2005-2014 (Decade of Education for Sustainable Development, DESD) dan Pendidikan Alam Sekitar (Environmental Education, EE). Kedua-duanya iaitu instrumen pendidikan dan agenda pembangunan lestari telah mendapat perhatian yang serius di peringkat global, serantau dan juga nasional apatah lagi dalam kaca mata Islam. Justeru itu, artikel ini meninjau bagaimana konteks Pendidikan Islam di peringkat sekolah berperanan sebagai agen manifestasi pembangunan lestari di Malaysia. Tinjauan awal ini mendedahkan bahawa terdapat beberapa peranan Pendidikan Islam yang menyumbang kepada pembentukan insan rabbani yang memacu kepada agenda pembangunan lestari. Artikel ini mencadangkan agar penyepaduan Pendidikan Islam dengan pendidikan alam sekitar di sekolah perlu kepada sistem pengintegrasian ilmu dan kemahiran yang jelas tanpa melakukan dikotomi ilmu secara tidak sedar.

Kata kunci: *Pembangunan lestari; pendidikan pembangunan lestari; pendidikan alam sekitar; pendidikan Islam*

¹ Artikel ini telah dibangunkan dan dimurnikan daripada makalah yang telah dibentangkan dalam *International Conference on Ethics, Humanities and Education (ICEHE 2015)* pada 24-25 Ogos 2015 bertempat di Bayview Hotel, Langkawi.

² Abd. Aziz Rekan adalah Calon PhD dan Felo SLAI Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mel: abdazizrkn@um.edu.my.

³ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Phd, merupakan Pensyarah Kanan, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mel: tgsarina@um.edu.my.

⁴ Yusmini Md Yusoff, Phd, merupakan Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mel: yusmini@um.edu.my.

PENDAHULUAN

Isu pengekaln kualiti alam sekitar secara mampan dilihat antara cabaran yang begitu kompleks yang perlu kepada pemantauan dan tindakan berterusan ke arah mengharmonikan sumber alam.⁵ Semenjak beberapa dekad yang lalu sehingga kini dunia berhadapan dengan dasar langit terbuka. Kesan daripada itu muncul beberapa halangan dan cabaran bagi mewujudkan kestabilan ekonomi, politik dan sosial dalam sesebuah negara maju mahupun negara sedang membangun. Sehubungan itu, sebagai maklum balas dan kritikan terhadap tindakan sebahagian manusia yang tidak lestari dalam kegiatan pembangunan sosio-ekonomi sehinggakan memberi implikasi negatif terhadap sistem ekologi dan biodiversiti. Agenda Pembangunan Lestari (*Sustainable Development*) atau juga dikenali sebagai Pembangunan Mampan telah diwar-warkan di seluruh negara.⁶ Agenda ini menggagaskan pelbagai mekanisme dan cadangan polisi bagi mengekalkan keseimbangan alam sekitar untuk generasi akan datang⁷ yang antaranya adalah dasar alam sekitar, undang-undang alam sekitar dan kawalan aktiviti ekopelancongan termasuk aspek pendidikan terhadap ahli masyarakat.

Islam menuntut umatnya agar berakhlak mulia terhadap alam sekitar. Fleksibiliti Islam telah memberi manfaat kepada seluruh manusia iaitu dengan prinsip mengekalkan kemaslahatan dan menghindarkan segala kemudaratan.⁸ Maka agenda pembangunan lestari yang diperkenalkan itu memiliki ciri-ciri prinsip tersebut. Sebarang pembangunan yang dijalankan di muka bumi ini tiada halangan dalam Islam selagi mana mematuhi norma dan syariatNya. Sekiranya sesuatu pembangunan yang dilaksanakan itu melampaui batasan maka keadaan ini bertentangan dengan kedudukan dan keistimewaan manusia itu sendiri yang memiliki akal supaya bertindak dengan memikirkan kesan dan akibat di atas segala tingkah lakunya.

Pembangunan insan perlu dipandang serius agar modifikasi tingkah laku manusia seperti yang diharapkan dapat dibentuk mengikut etika dan nilai-nilai universal yang disepakati. Pendidikan merupakan antara yang boleh mengakseskan ilmu, nilai dan etika kepada seseorang individu, bahkan sifat takwa dan ubudiyyah kepada Allah S.W.T dapat dibenih menerusi proses pendidikan. Menyedari akan kepentingan pendidikan, agenda Pendidikan Pembangunan Lestari (*Education for Sustainable Development*) telah diperkenalkan di bawah gagasan Pembangunan Lestari sebagai strategi dan platform dalam melestarikan alam sekitar.

Di Malaysia, pendidikan merupakan agen perubahan bagi mewujudkan masyarakat yang bertamadun. Pemerkasaan pendidikan dapat dilihat menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), 2011-2015 yang mana ingin membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia menerusi transformasi pendidikan dalam segenap aspek di samping menghargai khazanah alam sekitar negara. Selain itu, pemuliharaan aset ekologi negara juga turut ditekankan dalam sistem pendidikan negara ke arah peningkatan kualiti hidup yang ideal (Unit Perancang Ekonomi, 2010).⁹

⁵ Hsu, S., *Lessons in Sustainable Development from China & Taiwan: Comparative Studies of Sustainable Development in Asia*, (New York, Palgrave Macmillan, 2013), 2-7.

⁶ Scott, W.A.H., & S.R. Gough., *Sustainable Development and Learning: Framing the Issues*, (London, Routledge Falmer, 2003), 31.

⁷ Muhammad Rizal Razman, et al, *Perlindungan Alam Sekitar, Inisiatif Global dan Penglibatan Tempatan*. (Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 23-33.

⁸ Yusof al-Qardhawi, *Fleksibiliti Islam, Prinsip, Aqidah, Keutamaan, sumber. Diterjemahkan oleh Muhammad Zaini Yahya, terjemahan Muhammad Zaimi yahya*, (Selangor, Syabab Book Link, 2012), 332-329.

⁹ Unit Perancang Ekonomi, *Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), 2011-2015*, (Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri, 2010), 322-324.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang telah diformulasikan semenjak beberapa tahun yang lalu juga turut memaparkan komitmen kerajaan Malaysia yang begitu padu terhadap pembangunan insan. Lima aspirasi utama pendidikan Malaysia iaitu ekuiti, kualiti, akses, perpaduan dan kecekapan merupakan penghubung dalam melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai.¹⁰ Penghayatan nilai etika alam sekitar dalam komuniti sekolah tidak boleh dipandang enteng. Kelunturan dan hakisan nilai etika alam sekitar dalam diri individu akan mengakibatkan krisis sosial yang membawa kepada beberapa kesan negatif terhadap pembangunan negara dan juga kehidupan seharian.

Justeru itu, Pendidikan Islam di sekolah antara kurikulum yang penuh dengan nilai kerohanian yang berupaya memaknai konsep lestari dalam konteks Islam. Maka artikel ini cuba mengetengahkan peranan konteks Pendidikan Islam di sekolah dalam memanifestasi pendidikan alam sekitar yang merupakan sebahagian strategi penting bagi merealisasikan matlamat Pendidikan Pembangunan Lestari di Malaysia.

Pembangunan Lestari (*Sustainable Development*)

Secara dasarnya, konsep Pembangunan Lestari atau dikenali sebagai Pembangunan Mampan memfokuskan hubungan antara keseimbangan ekosistem bumi dengan kombinasi aspek kehidupan manusia iaitu ekonomi, politik dan sosial. Hal ini bagi menjamin kesinambungan keperluan futuristik menerusi pendekatan variasi yang bersesuaian dengan budaya dan gaya hidup sesebuah komuniti masyarakat sebagaimana yang dinyatakan dalam Laporan Brutland¹¹ iaitu:

“A development that meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs”.

Oleh yang demikian, bagi memastikan misi pelaksanaan Pembangunan Lestari adalah sentiasa konsisten di seluruh negara, gagasan Agenda 21 UNCED telah digazetkan sebagai panduan alternatif kepada setiap negara anggota PBB yang mengguna pakai konsep Pembangunan Lestari tersebut. Agenda 21 ini mengandungi 4 seksyen dan merangkumi 40 fasal atau bab yang mengetengahkan beberapa dimensi iaitu ekonomi dan sosial, pembangunan pengurusan sumber dan pemuliharaan alam sekitar serta memperkukuhkan peranan di setiap peringkat yang antaranya adalah peranan wanita, belia, badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan lain-lain, sekaligus menggalakkan penyertaan seluruh negara untuk bertindak secara progresif terhadap isu-isu alam sekitar sama ada di peringkat global, serantau, nasional mahupun tempatan.¹²

Pembangunan mampan menurut terminologi bahasa Arab adalah “*al-Tanmiyyah al-Mustadamah*” yang mana wujud hubungan antara konsep keseimbangan atau *equilibrium/ittizan* dengan konsep *sustainability/istidamah*.¹³ Berdasarkan landskap dunia Islam, Pertubuhan Antarabangsa Pendidikan, Saintifik dan Budaya Islam (ISESOC) begitu

¹⁰ Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. (Putrajaya, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), 2-5.

¹¹ World Commission on Environment and Development (WCSD), *Our Common Future, Chapter 2: Towards Sustainable Development, para 1*, (1987) accessible at: <http://www.un-documents.net/ocf-02.htm>.

¹² United Nations Conference on Environment & Development, Agenda 21, (United Nations Environment Programme (UNEP), 1992). Diakses pada November 2014. <http://www.unep.org/Documents.Multilingual/Default.asp?documentid=52>.

¹³ Mohd Istajib Mokhtar, *Konservasi Biodiversiti Menurut Etika-Perundangan Islam: Kajian Terhadap Kawasan Perlindungan Di Malaysia*, Tesis PhD, (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2015), 108.

optimis terhadap prinsip dan pelaksanaan Pembangunan Lestari.¹⁴ Persidangan Islam Menteri-Menteri Alam Sekitar kali kelima yang berlangsung di Astana, Republik Kazakhstan pada 17-18 Mei 2012 antara persidangan Islam yang mendeklarasikan penerimaan konsep pembangunan lestari. Rangkuman deklarasi tersebut jelas mempamerkan hasrat dan sokongan padu terhadap komitmen pelaksanaan gagasan Pembangunan Lestari di negara-negara Islam khususnya dan di seantero dunia amnya.

Menerusi persidangan itu juga, satu kerangka umum telah dimurnikan berkenaan pendirian Islam terhadap konsep Pembangunan Lestari. Kerangka itu menyatakan aspirasi dan panduan umum terhadap implimentasi gagasan Pembangunan Lestari secara inklusif di negara-negara Islam. Aspirasi dan panduan tersebut merupakan¹⁵ solusi persidangan yang merangkumkan cabaran pada masa hadapan terhadap pembangunan ekonomi, poilitik, sosiasl, budaya dan pendidikan negara-negara Islam dalam konteks Pembangunan Lestari.

Di Malaysia, tanggungjawab mengharmonikan kepelbagaian biodiversiti adalah antara satu tuntutan besar dalam meneruskan kelestarian iklim dunia. Malaysia yang merupakan antara negara anggota PBB dan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dilihat menyokong penuh gagasan Pembangunan Lestari untuk dintegrasikan di negara ini. Evolusi pembangunan industri yang begitu pesat telah mendesak kerajaan Malaysia untuk mempertimbangkan segala hal ehwal aktiviti pembangunan negara agar selaras dengan tuntutan Agenda-21 ke arah mencapai negara maju. Buktinya Dasar Pembangunan Negara (DPN), Dasar Alam Sekitar Negara (DASN), Dasar Ekonomi Negara dan Wawasan 2020 merupakan antara dasar dan polisi yang telah mengintegrasikan konsep pembangunan lestari bagi mengawal eksploitasi intensif alam sekitar iaitu tanah, air, udara dan ekologi.¹⁶

Adapun Malaysia telah mengamalkan prinsip Pembangunan Lestari semenjak pra kemerdekaan lagi. Dasar Ekonomi Baru 1971-1990 telah menegaskan bahawa penghasilan kuantiti produk perlu selari dengan kualiti alam sekitar. Bahkan intipati dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) 1991-1995 sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) 2011-2015 turut membuktikan komitmen Malaysia yang begitu konsisten terhadap amalan Pembangunan Lestari.¹⁷ Oleh itu, aplikasi Pembangunan Lestari menurut acuan Malaysia dilihat begitu konsekuen dengan norma kehidupan, budaya tempatan dan prinsip-prinsip Islam selaras dengan deklarasi Islam sebagai agama persekutuan Malaysia.

Pendidikan Pembangunan Lestari (Education for Sustainable Development)

Pada Disember 2002, Perhimpunan Agung PBB kali ke-57 telah mengisytiharkan *Decade of Education for Sustainable Development* (DESD) atau dikenali sebagai Dekad Pendidikan Pembangunan Lestari 2005-2014. DESD ini bertujuan agar prinsip-prinsip, nilai dan amalan Pembangunan Lestari perlu diintegrasikan dalam semua aspek pendidikan dan pembelajaran (UNESCO).¹⁸ Objektif utama Pendidikan Pembangunan Lestari (ESD) merangkumi 4 aspek

¹⁴ Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), (Fifth Islamic Conference of Environment Ministers, 2012). Diakses pada November 2014. http://www.isesco.org.ma/index.php?option=com_k2&view=item&layout=item&id=6881&Itemid=57&lang=en.

¹⁵ *Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization* (ISESCO), 2012.

¹⁶ Noranida Mokhtsim and Khairulmaini Osman Salleh, Malaysia's efforts toward achieving a sustainable development: issues, challenges and prospects, *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 120 (2014), 301–302.

¹⁷ A. Bello and K. Dola, Sustainable development and the role of local governance : experience from Malaysian model regions, *International Journal of Humanities and Social Science* 4(1) (2014), 268–80.

¹⁸ Aini MS, Nor Azura S, and Fakhru'l-razi A., Impact of environmental education on concern, knowledge and sustainable behavior of primary school children, *Health and the Environment Journal* 2(1) (2011), 50–53.

utama iaitu kelestarian modal insan, kelestarian sosial, kelestarian ekonomi dan kelestarian alam sekitar yang saling berhubungan antara satu sama lain.¹⁹

Pendidikan alam sekitar merupakan ruang yang digunakan untuk merealisasikan agenda Pendidikan Pembangunan Lestari sepertimana yang dinyatakan dalam Strategi Konservasi Dunia 1980 iaitu:

*“A new ethic, embracing plants and animals as well as people is required for human societies to live in harmony with the natural world on which they depend for survival and well-being. The long-term task of environmental education is to foster or reinforce attitudes and behaviours compatible with this new ethic”*²⁰

Berdasarkan intipati agenda Pendidikan Pembangunan Lestari di atas didapati selaras dengan objektif pendidikan alam sekitar yang telah digagaskan oleh UNEP dan UNESCO, 1976 yang memfokuskan terhadap aspek kesedaran, sikap, pengetahuan, kemahiran, kemampuan menilai dan penyertaan individu terhadap isu-isu yang berkaitan alam sekitar.²¹ Berasaskan penekanan terhadap aspek-aspek tersebut, strategi yang akan difokuskan untuk mencapai objektif pendidikan alam sekitar akan dapat dirancang dan dibentuk secara terarah.

Di Malaysia, pendidikan alam sekitar turut berlangsung dan ditekankan dalam strategi hijau di bawah Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) 2002. Pendidikan dan kesedaran terhadap alam sekitar bukan sahaja difokuskan kepada para pelajar di peringkat sekolah apatah lagi diperingkat pengajian tinggi, bahkan turut didedahkan kepada orang awam yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Pendidikan dan kesedaran terhadap alam sekitar yang diperkenalkan ini adalah selaras dengan Agenda 21 yang diberi tumpuan dalam *chapter* 36 di peringkat global. Oleh yang demikian sebanyak 11 strategi bagi merealisasikan pendidikan dan kesedaran terhadap alam sekitar sepertimana yang di bawah berikut:

Jadual 1 Strategi pendidikan dan kesedaran terhadap alam sekitar ²²

Strategi	Huraian
Strategi Pertama	Pendidikan alam sekitar yang formal dan tidak formal yang menyeluruh dan strategi latihan serta program penyebaran maklumat akan dirumus dan diperkenalkan.
Strategi Kedua	Alam sekitar dan pembangunan akan diintegrasikan dalam aktiviti pendidikan dari peringkat sekolah hingga pendidikan tinggi. Kaedah dan bahan yang sesuai akan diwujudkan untuk program pendidikan alam sekitar.
Strategi Ketiga	Pusat kecemerlangan kebangsaan akan didirikan untuk penyelidikan dan pendidikan antara disiplin dalam bidang alam sekitar dan pembangunan akan didirikan dengan tujuan memperkukuh keupayaan negara dalam bidang yang berkaitan.
Strategi Keempat	Kurikulum pendidikan disemua peringkat akan dikaji semula untuk memastikan pendekatan pelbagai disiplin dan isu-isu alam sekitar dan pembangunan. Aktiviti pendidikan tidak formal akan digalakkan di peringkat tempatan dan kebangsaan. Aktiviti ini akan melibatkan secara langsung dengan kumpulan sokongan sosial, dan mengiktiraf

¹⁹ Kopnina, Helen and Meijers, Frans, Education for sustainable development (ESD), *International Journal of Sustainability in Higher Education* 15(2) (2014), 188–207.

²⁰ IUCN, UNEP and WWF, *World Conservation Strategy: Living Resource Conservation for Sustainable Development (sect. 13)*. (Switzerland Gland, IUCN, 1980), 46.

²¹ Hopkins, C., J. Damlamian, and G. Lopez Ospina. (1996). “Evolving towards education for sustainable development: an international perspective” in *Nature and Resources*, 32(3), 7.

²² Dasar Alam Sekitar Negara (2002). Diakses pada 15 Mei 2016 daripada http://www.doe.gov.my/portalv1/wpcontent/uploads/2013/01/dasar_alam_sekitar_negara.pdf.

Strategi	Huraian
	peranan penting yang dimainkan oleh unit keluarga dalam menyemai sikap positif terhadap alam sekitar.
Strategi Kelima	Aktiviti pendidikan tidak formal akan digalakkan di peringkat tempatan dan kebangsaan. Aktiviti ini akan melibatkan secara langsung dengan kumpulan sokongan sosial, dan mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh unit keluarga dalam menyemai sikap positif terhadap alam sekitar.
Strategi Keenam	Perkembangan maklumat untuk orang awam mengenai alam sekitar dan pembangunan akan disediakan dan akan merangkumi penggunaan teknologi maklumat, multimedia dan lain-lain kaedah pandang dengar. Forum awam dan ilmiah untuk membincangkan isu alam sekitar dan pembangunan akan digalakkan.
Strategi Ketujuh	Aktiviti seni dan kebudayaan yang mengandungi mesej positif yang berkaitan dengan alam sekitar dan pembangunan akan digalakkan.
Strategi Kelapan	Peranan media dalam menyebarkan maklumat alam sekitar akan dipergiatkan. Bidangewartawanan alam sekitar khususnya dan persatuan wartawan alam sekitar akan diberi pengiktirafan dengan tujuan mempertingkatkan kualiti pelaporan maklumat alam sekitar
Strategi Kesembilan	Hubungan kerjasama dengan media, industri hiburan dan pengiklanan akan digalakkan untuk menggembelng pengalaman mereka ke arah membentuk tingkah laku dan pola penggunaan orang awam.
Strategi Kesepuluh	Isu alam sekitar dan pembangunan akan diintegrasikan ke dalam aktiviti pertumbuhan-pertumbuhan termasuk persatuan profesional, kesatuan sekerja dan pertumbuhan kebajikan. Penyebaran maklumat dan latihan akan diperkembangkan merangkumi pembuat keputusan pekerja dan majikan.
Strategi Kesebelas	Program latihan tenaga manusia akan direka bentuk untuk membolehkan pelatih menangani masalah alam sekitar dan pembangunan.

Semenjak 14 tahun yang lalu, strategi-strategi di atas begitu proaktif dilaksanakan di peringkat daerah, bahagian dan negeri. Pelaksanaannya juga serba sedikit sudah selaras dengan kehendak agenda Pendidikan Pembangunan Lestari dari aspek kontekstual, teknikal dan instrumental. Walaubagaimanapun terdapat kelompongan terhadap penekanan aspek hubungan pembangunan nilai keagamaan dengan alam sekitar dalam pernyataan strategi tersebut, tidak kira sama ada strategi terhadap penglibatan tokoh-tokoh agama, institusi agama, program atau aktiviti agama mahupun sumber media berasaskan agama. Sedangkan Pendidikan Pembangunan Lestari yang ingin diimplimentasikan ini perlu jelas berpolakan dan beracukan nilai agama dan budaya setempat masyarakat majmuk.

Rukun negara yang pertama iaitu kepercayaan kepada Tuhan yang menjadi prinsip setiap rakyat Malaysia juga perlu diperkasakan dalam metodologi pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Sudah pasti setiap kepercayaan agama menganjurkan penganutnya berkelakuan baik terhadap alam sekitar. Menerusi pegangan agama yang utuh dalam diri seseorang, secara tidak langsung mengetengahkan aspek agama sebagai faktor penyumbang terhadap kemampanan alam sekitar.

Peranan Konteks Pendidikan Islam dalam Memacu Pendidikan Pembangunan Lestari di Malaysia

Dinamika Pendidikan Islam dikonsepkan oleh para sarjana dengan pelbagai dimensi dan versi. Secara umumnya, Pendidikan Islam adalah satu usaha yang menekankan fungsi khalifah dan peranan hamba Allah menerusi proses integratif dan konsisten dalam pengembangan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penghayatan ilmu yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.²³ Ghazali Darusalam berpandangan bahawa matlamat Pendidikan Islam menghala kepada empat iaitu untuk diri sendiri sebagai persediaan berhadapan dengan survival hidup, untuk anak didik sebagai memenuhi tuntutan agama dengan menyampaikan ilmu, untuk masyarakat bagi membendung perkara dan gejala sosial ke arah pencapaian keharmonian hidup dan terakhir untuk negara bagi mengekalkan kedaulatan tanah air.²⁴ Menyingkap konsep ini, matlamat pendidikan Islam jelas merangkumi komponen agenda Pendidikan Pembangunan Lestari yang memberi penekanan terhadap pengetahuan, kemahiran serta penghayatan ilmu dan nilai yang akan mengalakkan lagi kestabilan sosio-ekonomi dan alam sekitar bermula daripada peranan individu sehinggalah peranan terhadap negara.

Beberapa kajian lepas telah membuktikan pendidikan alam sekitar berorientasikan pendekatan agama berupaya untuk menangani isu-isu alam sekitar. Sebagai contoh kes berkaitan kegiatan perikanan di Tanzania yang menggunakan bom ikan atau dinamit sehinggakan meninggalkan kesan ketidakseimbangan alam berlaku. Pelbagai usaha dan kajian telah dilakukan bagi mendidik dan memupuk penduduk sama ada menerusi kempen mahupun undang-undang. Namun hasilnya tidak menunjukkan kesan yang positif.²⁵ Walau bagaimanapun menyedari akan pengaruh ulama yang sentiasa menyeru mengamalkan gaya hidup bersumberkan al-Quran dan hukum-hakam *Shari'ah*, maka penggunaan bom ikan telah difatwakan sebagai aktiviti haram yang merupakan hasil diskusi beberapa NGO antarabangsa dengan para ulama tersebut. Semenjak daripada itu, masyarakat nelayan beransur-ansur telah mengamalkan kegiatan perikanan yang lestari.²⁶

Refleksi daripada kajian kes di atas yang mengaplikasikan pendekatan agama dalam mendidik masyarakat, Pendidikan Islam dan alam sekitar di sekolah berpotensi untuk dibangunkan yang akan mencetuskan kefahaman Islam sebenar dalam kalangan pelajar tentang betapa indah dan murninya prinsip dan etika Islam dalam menganjurkan kelestarian alam sekitar. Berfokuskan kepada penulisan artikel ini, bagaimanakah pula konteks Pendidikan Islam berperanan sebagai agen manifestasi Pembangunan Lestari dalam aspek pendidikan alam sekitar itu sendiri?. Terdapat beberapa peranan konteks Pendidikan Islam telah dikenalpasti, antaranya ialah:

²³ Nik Azis Nik Pa, Memaknai konsep ta'dib dalam pendidikan Islam sekolah rendah dan menengah di Malaysia: Cabaran Transformasi, dalam Muhammad Lukman Ibrahim, et al. (ed), *Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian*. (Universiti Malaya, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, 2014), 1-19.

²⁴ Ghazali Darusalam, *Pedagogi Pendidikan Islam*, Cet. 2, (Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2004), 32-43.

²⁵ Martin Palmer and Victoria Finaly, *Faith in Conversation: New Approach to Religion and Environment*. (World Bank Publication, 2013), 6-8; Mohd Zuhdi Marzuki, *Sejauh Mana Pendekatan Agama Mampu Mendidik dan Memupuk Kesedaran Masyarakat dalam usaha Pemuliharaan*, Seminar Biodiversiti & Konservasi: Krisis & Cabaran pelestarian Masa Hadapan di Intsitut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), pada 28-29 April 2015.

²⁶ Martin Palmer and Victoria Finaly. *Faith in Conversation: New Approach to Religion and Environment*, (2013), 6-8.

Peranan dari Konteks Penglibatan Guru Pendidikan Islam

Peranan guru dalam menjayakan aspirasi pendidikan untuk pembangunan lestari adalah faktor dominan yang diperakui oleh para sarjana.²⁷ Dalam konteks Islam, konsep 5 mim menjustifikasikan peranan guru yang bersepadu dan holistik.²⁸ Nik Azis Nik Pa menyatakan bahawa peranan guru sebagai *murshid*, *mu'alim*, *murabbi* dan *mudarris* adalah terangkum di bawah peranan guru sebagai *mu'addib*. Menurut beliau *mu'addib* adalah peranan guru mengembangkan adab, nilai dan akhlak, *murshid* membantu perkembangan rohani, *mu'alim* menyampaikan maklumat kognitif, *murabbi* membantu penghayatan ilmu dan perkembangan jiwa, manakala *mudarris* mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.²⁹

Konsep 5 mim ini jelas memaparkan peranan guru Pendidikan Islam untuk terlibat membangunkan potensi dalaman dan luaran individu terhadap kelestarian alam sekitar. Guru bukan sekadar memberi pengetahuan tentang ilmu berkaitan alam sekitar berasaskan Islam, bahkan mendidik tingkah laku dan sikap pelajar untuk berakhlak mulia terhadap hubungannya dengan Allah, manusia dan alam sekitar serta menggalakkan penyertaan menyelesaikan isu-isu masalah alam sekitar berdasarkan prinsip-prinsip agama.

Selain itu, penglibatan dan kolaborasi bersama guru-guru mata pelajaran yang lain juga perlu diadakan untuk membincangkan konsep alam sekitar menurut perspektif bidang masing-masing, maka menerusi kolaborasi ini akan menghasilkan pelbagai idea yang dapat membantu guru dalam merancang pengajaran dan pembelajaran.

Peranan dari Konteks Kurikulum Pendidikan Islam

Sebagaimana subjek yang lain dalam kurikulum kebangsaan yang diintegrasikan dengan elemen alam sekitar, kurikulum Pendidikan Islam sudah sememangnya mengandungi unsur-unsur alam sekitar secara hakikatnya. Ghazali Darusalam membahasakan dua komponen utama dalam kurikulum Pendidikan Islam di sekolah, pertama *Ulum al-Syari'ah* merangkumi bidang fikah atau ibadah, tauhid, akidah, *sirah nabawiyah* dan akhlak, dan kedua ialah Pendidikan al-Quran dan al-Hadis.³⁰

Aspek pendidikan untuk pembangunan lestari dapat dikesan dalam kedua-dua komponen ini. Sebagai contoh dalam bidang akidah dan tauhid sarat dengan perbincangan peranan manusia sebagai insan yang bertanggungjawab terhadap dirinya serta persekitarannya berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan al-Hadis yang antaranya mengenai kewujudan dan kebesaran Allah. Selain itu, dalam bidang ibadat juga banyak menyentuh komponen alam sekitar seperti air untuk berwuduk, binatang sembelihan, tanah dalam pengurusan jenazah dan lain-lain. Dalam bidang akhlak juga menekankan adab terhadap penjagaan alam sekitar. Kurikulum Pendidikan Islam perlu juga diintegrasikan dengan komponen alam sekitar yang diajar daripada subjek-subjek lain seperti sains dan geografi kerana terdapat fakta dan teknikal yang tidak dibincangkan secara terperinci dalam Pendidikan Islam di sekolah. Maksudnya kreativiti guru diperlukan dalam mengkoreksi intipati sebenar falsafah alam sekitar dalam Islam.

²⁷ McNaughton, M., J., Implementing education for sustainable development in schools: learning from teachers' reflections. *Environmental Education Research*, 18(6) (2012), 765–782; Bsirdsall, S., Analysing teachers' translation of sustainability using a PCK framework, *Environmental Education Research*, (2014), 23-24.

²⁸ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, (Skudai, Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 73-80.

²⁹ Nik Azis Nik Pa, Memaknai konsep ta'dib dalam pendidikan Islam sekolah rendah dan menengah di Malaysia: cabaran transformasi, dalam Muhammad Lukman Ibrahim, 2014, 2-4.

³⁰ Ghazali Darusalam, *Pedagogi Pendidikan Islam*, Cet. 2. 2004, 289.

Peranan dari Konteks Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim mendapati bahawa transformasi pendidikan di Malaysia pada masa kini telah memberi implikasi kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, daripada pendekatan berpusatkan guru kepada pendekatan aktif yang berpusatkan pelajar.³¹ Pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam agenda Pendidikan Pembangunan Lestari juga menuntut pendekatan berpusatkan pelajar.³² Pengajaran Pendidikan Islam berkaitan komponen alam sekitar seharusnya menggunakan kaedah yang mengalakkan pengembangan kemahiran pelajar seperti pembelajaran berasaskan masalah, kaedah projek, kaedah lawatan dan kaedah inkuiri.

Sebagai contoh guru Pendidikan Islam bukan hanya bersyarah mengenai komponen alam sekitar sahaja akan tetapi mengadakan suasana pembelajaran yang aktif seperti meminta pelajar berbincang menyelesaikan isu-isu masalah alam sekitar dengan mengaitkan dengan ayat al-Quran dan al-Hadis beserta pendekatan saintifik, di samping itu guru berperanan merangsang kognitif pelajar dengan kaedah main peranan dengan memposisikan diri mereka sebagai komponen alam sekitar yang berada pada kondisi pencemaran atau dimusnahkan. Hal ini akan menjadikan pembelajaran lebih bermakna kepada pelajar sekaligus mempengaruhi kesedaran dan sikap mereka terhadap kepentingan kemampanan alam sekitar.

Sekiranya pemilihan pendekatan pengajaran adalah sesuai serta mampu mencetuskan motivasi, minat dan penglibatan aktif daripada pelajar dalam menginterpretasikan maklumat, maka usaha untuk memperkasakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mungkin akan dapat direalisasikan sepertimana yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Peranan dari Konteks Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan alam sekitar perlu mengambil kira pertimbangan fungsi pacaindera pelajar iaitu penglihatan, pendengaran, bau, rasa dan sentuhan. BBM adalah salah satu yang berhubung kait dengan fungsi pacaindera yang mempengaruhi minat dan motivasi pelajar untuk turut terlibat semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. BBM yang boleh digunakan sama ada bahan '*maujud*' ataupun yang berasaskan media elektronik³³ seperti penggunaan tin atau botol minuman yang dikaitkan dengan kandungan pelajaran mengenai makanan halal dan haram. Penggunaan BBM seperti itu akan mengembangkan lagi kandungan pelajaran kepada konsep 3R (*Recycle, Reduce, Reuse*) yang dikaitkan dengan amalan lestari.

Daripada itu konsep makanan dan minuman bukan sahaja difokuskan kepada isu halal dan haram sahaja akan tetapi turut melibatkan tingkahlaku *ecofriendly* yang menyumbang kepada kedamaian alam sekitar. Selain itu, pada zaman era globalisasi dan modenisasi ini, BBM berasaskan elektronik juga membantu mewujudkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang aktif, BBM jenis ini boleh digunakan dalam pencarian maklumat

³¹ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Transformasi pendidikan di Malaysia: implikasi terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, dalam Muhammad Lukman Ibrahim, et al. (ed), *Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian*. (Universiti Malaya, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, 2014), 91.

³² Monica Greena and Margaret Somervilleb, Sustainability education: researching practice in primary schools, *Environmental Education Research*, (2014), 1-14.

³³ Abd Aziz Rekan, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff, Hubungan pembangunan kecerdasan naturalistik dengan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam berasaskan media dalam Yusmini Md Yusoff et al. (ed), *Isu-Isu Media dan Dakwah*. (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2015), 407.

menerusi laman-laman sesawang yang berkaitan mengenai langkah meningkatkan sikap dan kesedaran terhadap isu alam sekitar seperti pencemaran yang berlaku dan kepupusan biodiversiti. Maka maklumat yang diperolehi tersebut akan cuba dikupas menerusi konteks Islam antara pelajar dan guru bagi mencari nilai ekospritual yang perlu dihayati secara berterusan.

Peranan dari Konteks Aktiviti Persatuan Pendidikan Islam

Persatuan Pendidikan Islam merupakan salah satu gerakan ko-kurikulum yang mempromosikan ajaran Islam kepada ahlinya dan juga komuniti sekolah secara tidak langsung. Persatuan Pendidikan Islam di sekolah tidak dinafikan ada menjalankan aktiviti-aktiviti penjagaan alam sekitar. Walaupun begitu, berdasarkan pengamatan realiti semasa bahawa persatuan ini lebih cenderung menjalankan program yang berbentuk kesenian dan kebudayaan Islam seperti nasyid dan penulisan khat.

Persatuan ini patut digalakkan untuk menetengahkan aktiviti-aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar seperti menanam pokok, forum alam sekitar dan Islam dengan menjemput ahli daripada institusi Islam dan institusi pemuliharaan alam sekitar seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Tabung Alam Sedunia (*The World Wide Fund for Nature*, WWF), kempen kitar semula sebagai konsep sedekah, eko masjid atau eko surau dengan mengambil pertimbangan penggunaan air yang ideal untuk berwuduk bagi mengelakkan pembaziran (*tabzir*) serta mengadakan kempen konservasi alam sekitar berasaskan etika Islam yang mementingkan keseimbangan (*tawazun*) dan menolak kerosakan (*fasad*). Selain itu juga, persatuan ini boleh mengadakan program dokumentari kerjasama dengan persatuan atau kelab yang lain seperti persatuan sains berkenaan penemuan-penemuan sains ke atas alam sekitar dan dibuktikan dengan nilai-nilai saintifik Qurani.

Sekiranya badan persatuan ini bergiat aktif di peringkat sekolah dengan aktiviti seumpama itu, kedudukan Pendidikan Islam tidaklah dipandang pasif yang hanya memfokuskan hubungan dengan pencipta dan juga hubungan akhlak sesama manusia semata-mata, malah Islam dan alam sekitar itu dilihat saling seiringan dalam kegiatan kehidupan seharian.

Kesimpulan

Pendidikan dan pembangunan negara perlu seimbang bersesuaian dengan konsep kelestarian itu sendiri yang merangkumi prinsip Islam supaya mengekalkan kemaslahatan dan menolak kemudaratan. Pendekatan kesederhanaan (*wasatiyyah*) merupakan antara yang terbaik untuk diadaptasikan dalam pelaksanaan pendidikan sebagai wahana manifestasi pembangunan lestari. Segala peranan konteks Pendidikan Islam yang dibincangkan sebelum ini perlu mengambil kira prinsip-prinsip kesederhanaan ini. Strategi yang digunakan untuk menghidupkan peranan Pendidikan Islam tersebut bukanlah ekspetasi yang terlalu awang-awangan sehingga tidak berpijak di bumi yang nyata malah tidak juga terlalu santai, akan tetapi bersifat *wasatiyyah* serta bertepatan dengan skop, masa, kos, dan keupayaan yang lazimnya melibatkan gabungan tenaga daripada pelbagai pihak sama ada di peringkat penggubal polisi sehinggalah pelaksana dasar.

Rujukan

- A. Bello and K. Dola. Sustainable development and the role of local governance : experience from Malaysian model regions. *International Journal of Humanities and Social Science* 4(1) (2014), 268–80.
- Abd Aziz Rekan, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff. Hubungan pembangunan kecerdasan naturalistik dengan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam berasaskan media, dalam Yusmini Md Yusoff et al. (ed), *Isu-Isu Media dan Dakwah*. (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2015).
- Aini MS, Nor Azura S, and Fakhru'l-razi A. Impact of environmental education on concern, knowledge and sustainable behavior of primary school children. *Health and the Environment Journal* 2(1) (2011), 50–53.
- Bsirdsall, S. Analysing teachers' translation of sustainability using a PCK framework. *Environmental Education Research*, (2014), 23-24.
- Dasar Alam Sekitar Negara (2002). Diakses pada 15 Mei 2016 daripada http://www.doe.gov.my/portalv1/wpcontent/uploads/2013/01/dasar_alam_sekitar_negara.pdf.
- Ghazali Darusalam. *Pedagogi Pendidikan Islam*, Cet. 2. (Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2004).
- Hopkins, C., J. Damlamian, and G. Lopez Ospina. Evolving towards education for sustainable development: an international perspective. *Nature and Resources*, (1996). 32(3), 7.
- Hsu, S. *Lessons in Sustainable Development from China & Taiwan: Comparative Studies of Sustainable Development in Asia*. (New York, Palgrave Macmillan, 2013).
- Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), (Fifth Islamic Conference of Environment Ministers, 2012). Diakses pada November 2014. http://www.isesco.org.ma/index.php?option=com_k2&view=item&layout=item&id=6881&Itemid=57&lang=en.
- IUCN, UNEP and WWF. *World Conservation Strategy: Living Resource Conservation for Sustainable Development*. (Switzerland Gland, IUCN, 1980).
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. (Skudai, Universiti Teknologi Malaysia, 2007).
- Kopnina, Helen and Meijers, Frans. Education for sustainable development (ESD). *International Journal of Sustainability in Higher Education* 15(2) (2014), 188–207.
- Martin Palmer and Victoria Finaly. *Faith in Conversation: New Approach to Religion and Enviroment*. (World Bank Publication, 2013).
- McNaughton, M., J. Implementing education for sustainable development in schools: learning from teachers' reflections. *Environmental Education Research*. 18(6) (2012), 765–782.

- Mohd Istajib Mokhtar. *Konservasi Biodiversiti Menurut Etika-Perundangan Islam: Kajian Terhadap Kawasan Perlindungan Di Malaysia*. Tesis PhD. (Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2015).
- Mohd Zuhdi Marzuki. *Sejauh Mana Pendekatan Agama Mampu Mendidik dan Memupuk Kesedaran Masyarakat dalam usaha Pemuliharaan*. Seminar Biodiversiti & Konservasi: Krisis & Cabaran pelestarian Masa Hadapan di Intsitut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), pada 28-29 April 2015.
- Monica Greena and Margaret Somervilleb. Sustainability education: researching practice in primary schools. *Environmental Education Research*, (2014), 1-14.
- Muhammad Rizal Razman, et al, *Perlindungan Alam Sekitar, Inisiatif Global dan Penglibatan Tempatan*. (Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014).
- Nik Azis Nik Pa. Memaknai konsep Ta'dib dalam pendidikan Islam sekolah rendah dan menengah di Malaysia: Cabaran Transformasi, dalam Muhammad Lukman Ibrahim, et al. (ed), *Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian*. (Universiti Malaya, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, 2014).
- Noranida Mokthsim and Khairulmaini Osman Salleh. Malaysia's efforts toward achieving a sustainable development: issues, challenges and prospects. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 120 (2014), 301–302.
- Scott, W.A.H., & S.R. Gough. *Sustainable development and learning: Framing the issues*. (London, Routledge Falmer, 2003).
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Transformasi pendidikan di Malaysia: implikasi terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, dalam Muhammad Lukman Ibrahim, et al. (ed), *Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran Dan Penyelesaian*. (Universiti Malaya, Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, 2014).
- Unit Perancang Ekonomi. *Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), 2011-2015*. (Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri, 2010).
- United Nations Conference on Environment & Development, Agenda 21. (United Nations Environment Programme (UNEP), 1992). Diakses pada November 2014. <http://www.unep.org/Documents.Multilingual/Default.asp?documentid=52>.
- World Commission on Environment and Development (WCSD), *Our Common Future, Chapter 2: Towards Sustainable Development*, para I, (1987) accessible at: <http://www.un-documents.net/ocf-02.htm>.
- Yusof al-Qardhawi. *Fleksibiliti Islam, Prinsip, Aqidah, Keutamaan, sumber*. Diterjemahkan oleh Muhammad Zaini Yahya. (Selangor, Syabab Book Link, 2012).